



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 28 NOVEMBER 2025**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FISHERIES DAY SHOWCASES TECH TO POWER MALAYSIA'S BLUE ECONOMY, EVENTS, THE STAR, M/S – 8	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	PENIAGA UNGGAS 'GULUNG TIKAR' ELAK RUGI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 22	LAIN – LAIN
3.	LADANG CILI RM15,000 MUSNAH, NEGARA, KOSMO, M/S – 3	
4.	'DON'T TAKE DOG BITES LIGHTLY', EVENTS, THE STAR, M/S – 10	
5.	'MALAYSIA BELUM SEDIA SEDIA HADAPI KRISIS KETERJAMINAN MAKANAN', NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 7	
6.	DAPAT ILHAM KETIKA PKP, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Fisheries Day showcases tech to power Malaysia's blue economy

THE Fisheries Department's annual Fisheries Day in Kedah returned this year with a strong focus on innovation and sustainability in Malaysia's seafood industry.

The three-day event, held at Pantai Merdeka by the Sungai Merbok estuary, brought together government agencies, aquaculture operators and researchers to promote modern, eco-friendly fisheries practices aligned with the National Blue Economy and National Agro-Food Policy 2021-2030.

Agriculture and Food Security Ministry deputy secretary-general (development) Datuk Luqman Ahmad launched the event.

Also present were Kedah agriculture committee chairman Dzowahir Ab Ghani and Fisheries Department director-general Datuk Adnan Hussain.

Adnan said the programme was a platform for industry players, researchers and local communities to drive innovation and resource sustainability.

"Through technologies such as SirehMax and MyFirst (Malaysia Fisheries Resource System), the department aims to transform fisheries management into a data-driven, modern and environmentally responsible sector," he said.

During the event, five northern aquaculture companies received Malaysia Good Aquaculture Practices (myGap) certification for adopting responsible, food-safe and sustainable farming methods.

An agreement was signed between the Fisheries Department and Universiti Utara Malaysia to extend an existing memorandum of understanding



Luqman (fourth from left) helping to prepare a tuna roasting on a spit at the Fisheries Day celebration in Pantai Merdeka, Kedah.

until 2028, expanding joint work in capture fisheries, aquaculture health, conservation, artificial intelligence, Internet of Things, blue carbon and the blue economy.

The event also launched two home-grown innovations: SirehMax, an antimicrobial compound for fish disease control derived from betel leaves, and MyFirst, an integrated national data platform to manage biodiversity and marine protected-area information.

Aid for smallholders involved in aquaculture and agro-tourism was presented to recipients from Kedah, Perlis and Penang. Visitors also enjoyed activities such as a fun run, traditional games, exhibitions by more than 20 government agencies and food stalls along the beach.

A crowd-pleasing highlight was a tuna roasting on a spit, nicknamed "tuna golek", which drew long lines of curious spectators under the seaside tents.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

Peniaga unggas 'gulung tikar' elak rugi

RANTAU PANJANG – Seorang peniaga unggas di Tersang di sini, sanggup menutup kedainya selama tiga bulan bermula November hingga Januari kerana tidak sanggup menanggung kerugian akibat banjir sering melanda kawasan tersebut.

Mohd Hirwan Che Rajiun, 44, berkata, sejak pembinaan benteng sekitar 2022, banjir di kawasan itu menjadi luar biasa dari segi kedalaman air.

“Sebelum ini, air tidak melimpah hingga ke jalan. Tetapi sejak beberapa tahun ini, kedai ternakan saya tenggelam.

“Kedai dan rumah saya hanya berjarak sekitar 100 meter dari Sungai Golok tetapi sebelum ini banjir tidak pernah setinggi ini, malah kini mencecah lebih empat meter,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Menurutnya, sejak tiga tahun kebelakangan ini, banjir menjadi sangat luar biasa sehingga menyebabkan kerugian besar apabila haiwan jualannya seperti burung, itik, angsa dan ayam mati.

Mohd Hirwan berkata, dia terpaksa menanggung kerugian sekitar RM20,000 hingga RM30,000 setiap tahun ketika musim tengkujuh.

“Lebih baik saya tutup kedai selama tiga bulan dan pindahkan semua haiwan jualan ke tempat selamat.

“Hati tenang, kerugian pun tiada,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/11/2025	KOSMO	NEGARA	3



KIRA-KIRA 600 batang pokok cili musnah akibat banjir yang mengakibatkan pemiliknya kerugian RM15,000 di Kampung Binjai Rendah, Marang kelmarin.

Ladang cili RM15,000 musnah

MARANG – Seorang petani termenung kesedihan selepas 600 batang pokok cilinya musnah ditenggelami banjir di Kampung Binjai Rendah di sini kelmarin.

Mohd. Faizul, 39, berkata, pokok-pokok cili yang diusahakannya secara fertigasi tersebut sepatutnya mampu mengeluarkan hasil keseluruhan kira-kira 1.2 tan apabila tiba masa menuai.

"Air naik dengan cepat sehingga tidak mampu berbuat apa-apa untuk menyelamatkan

“

Air naik dengan cepat sehingga tidak mampu berbuat apa-apa untuk menyelamatkan pokok-pokok cili tersebut.”

pokok-pokok cili tersebut.

"Saya berdoa sekurang-

kurangnya sebahagiannya masih bertahan selepas banjir surut nanti," katanya.

Menurut Mohd., dia mula mengusahakan kebun cili secara fertigasi itu pada bulan September lalu dengan modal RM15,000.

Tambahnya, kampung itu tidak pernah dilanda banjir seteruk itu, namun dia reda dengan ujian tersebut.

"Musibah ini pengalaman berharga saya untuk terus gigih bertani pada masa hadapan," katanya.



Chieng (second from left) at the registration desk during the rabies vaccination campaign held at SJK(C) Sacred Heart Chinese in Sibu.

'Don't take dog bites lightly'

Vaccination campaign in Sibu stresses importance of timely rabies response

By **ANDY CHUA**
andychua@thestar.com.my

VICTIMS of dog bites – even in minor cases – must not delay medical treatment, as rabies remains fatal once symptoms appear, says Bukit Assek assemblyman Joseph Chieng.

He said the disease is entirely preventable if treatment is sought immediately.

"Do not take it lightly and do not delay. Immediate treatment saves lives," he said during a rabies vaccination campaign for pet dogs and cats organised by the Sibu Division Chinese Community Leaders Association at SJK(C) Sacred Heart Chinese in Sibu, Sarawak.

Chieng stressed that rabies was a real and present danger in the community.

On Oct 12, Sarawak recorded another rabies fatality involving a 29-year-old man who was bitten by a stray dog and did not seek immediate medical treatment.

"The victim eventually developed symptoms of rabies, including hydrophobia (fear of water), loss of speech, excessive salivation and difficulty swallowing.

"He ultimately succumbed to the disease," said Chieng.

He said the State Health Department recorded 16,295 cases, comprising 10,021

cat scratches and 6,078 dog bites, between Jan 1 and Oct 11 this year.

This makes it an average of more than 400 cases per week.

Of the total, 10,999 cases involved domestic animals and 5,296 involved strays.

"More worryingly, of the five human rabies cases reported this year, four involved bites from high-risk animals and the victims did not seek treatment.

"These figures show clearly that rabies is among us and ignoring it even once can lead to a lifetime of regret," said Chieng.

He stressed that vaccination remained the most effective method of saving lives.

"Today's vaccination programme aims to ensure a safer community and greater peace of mind for our families," said Chieng.

He also commended the organisers and the Sibu Veterinary Office team for their efforts to promote rabies vaccination.

"You have long served the community by providing health education, vaccination services and safety awareness.

"This is the very foundation of public health protection," he said.

Chieng added that community vigilance was key to keeping Sibu safe.

'Malaysia belum sedia hadapi krisis keterjaminan makanan'

Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) menyifatkan kenaikan harga sayur dan ikan sehingga 100 peratus bukan sekadar isu cuaca, tetapi membuktikan Malaysia masih belum bersedia menghadapi krisis keterjaminan makanan.

Ketua Pegawai Operasi FOMCA, Nur Asyikin Aminuddin, berkata meskipun faktor cuaca penyumbang utama jangka pendek, namun keadaan ini sebenarnya membongkar masalah lebih besar iaitu Malaysia tidak bersedia menghadapi krisis keterjaminan makanan.

"Ini bukan isu baharu, setiap kali ada cuaca ekstrem, krisis geopolitik, wabak atau gangguan logistik, harga makanan basah di Malaysia melonjak mendadak dan membebaskan rakyat, terutama golongan berpendapatan rendah."

"Kenaikan harga disebabkan cuaca menandakan sistem rantai bekalan yang rapuh kerana tiada pelan mitigasi cuaca ekstrem, sedangkan perubahan iklim semakin kerap berlaku, bukannya perkara luar biasa lagi."

"Selain itu, kelemahan *Post-Harvest Handling* yang mana banyak hasil makanan rosak sebelum sampai ke pasaran."

Sayur, ikan
naik harga
sehingga
100 peratus



Keratan akhbar
BH, semalam.

"Kira-kira 20 peratus hingga 40 peratus hasil pertanian Malaysia rosak sebelum sampai ke pengguna."

"Apabila bekalan rosak kuantiti berkurang, harga naik mendadak. Justeru, jika kerajaan serius mahu menangani kenaikan harga makanan, pelaburan pasca tuaian harus jadi keutamaan," katanya kepada *BH*, semalam."

Kelmarin *BH* melaporkan setengah jenis sayur dan ikan popular yang mengalami kekurangan bekalan akibat musim tengkujuh mengalami kenaikan harga antara 50 peratus hingga 100 peratus sejak seminggu ini.

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid, dilapor berkata, kenaikan membabitkan sayuran berdaun antaranya sawi, siw pak choy, kubis, cili dan tomato.

Bagi tomato harga sebelum ini

ialah RM1.80 sekilogram (kg), meningkat kepada RM3kg, manakala bagi cili pula, harga semasa ialah sekitar RM5 berbanding RM1.50kg sebelum ni.

Mengulas lanjut, Asyikin berkata, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) perlu diperkasa semula sebagai pengantara tanpa orang tengah.

"Pada asalnya, FAMA ditubuhkan untuk memecahkan rantai orang tengah melalui pasar tani, program ladang ke pasar, pusat pengumpulan FAMA dan jualan terus dari petani atau nelayan."

"Tetapi jika dilihat harga lauk basah dijual di pasar tani terlalu mahal berbanding di tempat lain."

"Pasar tani ialah model terbaik untuk pengguna mendapat harga murah, pengeluar mendapat margin lebih besar dan tiada orang tengah."

"Justeru, kerajaan perlu menjadikanketerjaminan makanan sebagai agenda nasional kerana kenaikan harga sayur dan ikan bukan perkara kecil yang memberi kesan langsung kepada kos sara hidup, kesihatan rakyat, kesejahteraan isi rumah terutama kumpulan B40 dan M40, keselamatan sosial dan produktiviti negara," katanya.

Meskipun faktor cuaca penyumbang utama jangka pendek, namun keadaan ini sebenarnya membongkar masalah lebih besar iaitu Malaysia tidak bersedia menghadapi krisis keterjaminan makanan

Nur Asyikin Aminuddin,
Ketua Pegawai Operasi FOMCA



**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Ipoh

Niat murni membantu suami menampung ekonomi keluarga ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendorong seorang wanita dari Taman Rapat Setia di sini, memulakan perniagaan karipap sejuk beku.

Bagi Siti Fatehah Tajudin, 36, keputusan itu bukan sekadar usaha mencukupkan belanja harian malah kini menjadi punca rezeki utama buat dirinya, suami dan tiga anak mereka.

Menurutnya, perniagaan karipap sejuk beku itu tercetus pada tahun 2020 selepas

Dapat **ilham** ketika PKP

Karipap sejuk beku Siti Fatehah dapat sambutan, 90% jualan melalui platform digital

"Alhamdulillah, terima kasih kepada Fama dan STeP yang prihatin terhadap usahawan kecil seperti saya"

Siti Fatehah Tajudin

PKP menyebabkan semua perniagaan dalam talian yang dijalankan sebelumnya.

"Ketika PKP, ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memberi bantuan barang dapur dan saya dapati banyak tepung serta minyak.

"Dari situlah saya teringat kemahiran membuat karipap yang saya pelajari waktu kecil dahulu ketika menolong ibu.

"Kami jual kepada jiran dan rakan terdekat pada harga satu paket RM5 untuk 10 ketul karipap inti sardin dan kentang," katanya.

Selepas beberapa bulan, Fatehah mula menambah variasi inti termasuk kentang kari, sebelum mengembangkan produk kepada enam jenis inti termasuk ayam dan daging.

Namun katanya, proses awal tidak mudah kerana kekangan ruang, ilmu perniagaan dan pemasaran.

"Saya hanya memasarkan produk melalui WhatsApp dan Facebook sahaja. Pengeluaran pun kecil kerana penyediaan dibuat secara manual sahaja," katanya yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maritim dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL).

Situasi mula berubah pada Julai 2024 apabila Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) memperkenalkannya kepada program pembangunan peniaga menerusi kerjasama dengan TikTok Shop.

Fatehah turut menerima Geran Agropreneur Muda Fama berjumlah RM20,000 pada tahun 2021 yang digunakan untuk membeli peralatan dapur seperti mesin vakum, mesin canai, pengadun dan peti sejuk beku industri.

Pada Oktober lalu, dia menerima bantuan geran melalui Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) berupa mesin canai serta mesin pengisar industri bernilai RM2,000.

"Dengan bantuan ini, hampir 80 peratus proses kini menggunakan mesin dan ia sangat membantu meningkatkan pengeluaran dari 22 paket sehari, sekarang saya boleh hasilkan 150 hingga 200 paket sehari. Ini sekali gus mem-

bantu memenuhi tempahan dan menambah pendapatan kami," katanya.

Kini Fatehah mempunyai dua pekerja sambilan dan masih beroperasi dari rumah.

Menariknya, perkembangan perniagaan Fatehah banyak digerakkan melalui platform digital.

"Sebanyak 90 peratus jualan datang dari TikTok dan Shopee. Selain itu, saya mengambil tempahan dari pejabat kerajaan, hospital dan perkhidmatan katering kecil-kecilan," katanya.

Dia mengakui bantuan kerajaan menjadi pemangkin terbesar kepada kelangsungan perniagaan hari ini.

"Alhamdulillah, terima kasih kepada Fama dan STeP yang prihatin terhadap usahawan kecil seperti saya.

"Fokus saya sekarang adalah untuk terus belajar bagi mengembangkan lagi perniagaan dan dapat membantu ekonomi keluarga," katanya.

Fatehah berkata, sokongan STeP membuktikan komitmen mereka sebagai agensi peneraju segmen 1 Keluarga 1 Usahawan, salah satu inisiatif dalam Pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.



SITI Fatehah (kanan) dan keluarga. Gambar atas, produk karipap sejuk beku diusahakan Siti Fatehah dan keluarga.